

Makna Kontekstual dalam Terjemahan: Analisis Kata Nama Zat dalam Hadis dari Kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam

Contextual Meaning in The Translation of The Noun: Analysis in The Hadis of The Book al-Halal wa al-Haram fi al-Islam

Husni bin Abdullah¹

ABSTRAK

Memahami konteks ayat memainkan peranan penting dalam terjemahan bagi mengenal pasti maksud sebenar teks. Kefahaman terhadap konteks ayat dari sudut kontekstual dalam terjemahan hadis perlu dikuasai dengan sempurna agar tidak berlaku kesilapan ketika hadis tersebut diterjemahkan. Hal ini kerana hadis merupakan sumber kedua tertinggi dalam hierarki pengambilan hukum sebarang kesilapan yang berlaku boleh menjejaskan amalan yang dilaksanakan. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana aspek kontekstual terjemahan Kata Nama Zat (KNZ) diberikan penekanan dalam terjemahan. Kajian ini dijalankan melalui penganalisaan terhadap dua buah karya terjemahan cetakan Pustaka Nasional Singapore (PNS) 2014 dan Percetakan Jahabersa (PJ) 2009 menggunakan teori semantik kontekstual yang dipelopori oleh John Robert Firth, analisis kontrastif yang diasaskan oleh Robert Lado dan penilaian terjemahan yang diperkenalkan oleh Nababan, Mokhtar dan Basil. Sejumlah 5 sampel dari hadis-hadis yang mengandungi Kata Nama Zat dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati aspek makna kontekstual dalam terjemahan dengan mengambil kira situasi tertentu dipraktikkan dalam sejumlah sampel dan masih lagi perlu diperbaiki. Sekaligus memberikan gambaran bahawa mesej sebenar yang ingin disampaikan oleh Nabi SAW perlu diteliti terlebih dahulu secara kontekstual sebelum aspek-aspek makna lain diambil kira.

Kata kunci: *Terjemahan, Hadis, Kontekstual, Deskriptif, Semantik-komunikatif*

ABSTRACT

Understanding the context of sentences plays an important role in translation to identify the true meaning of the text. The understanding of the context of a verse from the contextual point of view of hadith translation needs to be fully polished so that there is no mistake when the hadith is translated. This is because the hadith is the second highest source in the hierarchy of establishing rulings, and errors that may affect religious practices. Therefore, this study aims to identify the extent to which the contextual aspects of the translation of the Nouns (KNZ) are emphasised in translation. The study was conducted through the analysis of two translated works from Singapore National Library (PNS) and Percetakan Jahabersa (PJ) 2009 using the contextual semantic theory pioneered by John Robert Firth, a contrastive analysis founded by Robert Lado and the translation

¹ Husni Abdullah, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI), husni@kuis.edu.my

assessment introduced by the Nababan, Mokhtar and Basil. A total of 5 samples from hadiths containing the nouns were analysed descriptively. The results of this study found that aspects of contextual meaning in translation take into account certain situations that are published in a number of samples and still need to be improved. At the same time, it gives the impression that the actual message that the Prophet (p.b.u.h.) wants to convey must be contextualised before other aspects of meaning are taken into account.

Keywords: Translation, Hadith, Contextual, Descriptive, Semantic-Communicative

Pendahuluan

Penterjemahan menurut Catford (1965) merupakan suatu proses penggantian bahan tekstual dalam bahasa sumber (Bsu) dengan bahan tekstual yang sepadan dalam bahasa sasaran (Bsa). Oleh kerana proses menterjemah suatu bidang kerja yang kompleks dan rumit, penterjemah perlu mengambil kira beberapa aspek sebelum menterjemah sesuatu perkataan atau ayat ke dalam bahasa sasaran. Penterjemah tidak sepatutnya menterjemah sesuatu perkataan atau ayat tanpa membaca keseluruhan teks serta benar-benar memahami akan makna sesuatu perkataan dengan jelas dan tepat sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Justeru itu, salah satu aspek penting dalam melahirkan terjemahan yang berkualiti dan sempurna penguasaan aspek tekstual dan kontekstual dalam memahami terjemahan.

Oleh kerana aspek makna memainkan peranan yang sangat penting dalam teks terjemahan yang mengikat seorang penterjemah untuk berkomunikasi di antara dua bahasa yang berbeza. Kefahaman seorang penterjemah kepada makna sesuatu perkataan di dalam sesuatu bahasa tidak semestinya menggambarkan makna yang diterjemahkan tersebut adalah benar. Perkara ini berkemungkinan berlaku kerana konsep padanan makna dalam terjemahan mempunyai banyak cabangnya. Suatu perkataan tidak hanya merujuk kepada objek semata-mata, tetapi ada ketikanya merujuk kepada konsep tertentu. Contohnya perkataan 'kecewa' tidak merujuk kepada objek tetapi merujuk kepada konsep. Justeru itu perkataan itu hanyalah sebagai lambang dan bukan makna dalam erti kata makna tersebut hanya wujud di luar perkataan.

Umumnya dalam memahami suatu teks khususnya berkait rapat dengan hadis ada dua aspek utama yang perlu diberi perhatian iaitu aspek tekstual dan aspek kontekstual. Tekstual bermaksud penelitian terhadap suatu teks yang menjadikan setiap leksikel yang terkandung dalam teks tersebut sebagai objek penelitian. Aspek ini ini menekankan analisis kebahasaan dalam memahami suatu teks. Aspek kontekstual pula bererti sesuatu yang berkaitan dengan suasana atau keadaan tertentu yang boleh berlaku di luar aspek kebahasaan. Oleh itu, pemahaman kontekstual adalah pemahaman yang bukan sahaja terikat dengan aspek kebahasaan, tetapi juga teks perlu difahami melalui situasi ketika teks itu muncul.

Latar Belakang Kajian

Terjemahan kitab-kitab turath termasuk ilmu hadis bermula seiring dengan kemasukan Islam ke rantau ini pada abad ke13 Masihi di zaman pemerintahan kerajaan Melayu kuno. Pada ketika itu tanah Melayu pesat membangun sebagai hab perdagangan terpenting di Selat Melaka. Ramai pedagang-pedagang Arab datang ke sana bertujuan untuk berdagang dan secara tidak langsung

menyebarkan Islam di Tanah Melayu. Semenjak daripada itu proses pengajaran bahasa Arab di negara ini mula mendapat tempat di masjid, surau dan madrasah dan dari situlah bermulanya aktiviti-aktiviti terjemahan kitab-kitab turath dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (Muhammad Mansur 1991: 199).

Disiplin ilmu hadis yang bersumberkan wahyu dari Allah SWT dan disabdakan oleh Rasulullah baginda. Justeru itu, penterjemah perlu berhati-hati dan menghayati keseluruhan teks hadis bagi memastikan hasil terjemahannya tepat dan tidak menyeleweng dari maksud sebenar. Ruh edisi terjemahan terletak pada padanan makna yang dipindahkan ke dalam bahasa sasaran dengan sempurna serta dekat dengan pembaca, sama ada secara formal (perkataan kepada perkataan) ataupun dinamik (makna kepada makna).

Hadis Rasulullah SAW sarat dengan *Jawāmi' al-Kalim* kata-katanya pendek dan ringkas tetapi padat dengan makna, memerlukan kepada kepakaran dalam penterjemahan untuk merungkai ungkapan tersebut. Malahan kemampuan tersebut merupakan salah satu daripada mukjizat agong Nabi SAW yang tidak dianugerahkan kepada manusia biasa. Dari sudut lain, terjemahan hadis mempunyai cabaran tersendiri kerana kosa kata hadis mengandungi banyak makna dan menggunakan ungkapan kiasan secara meluas menjadikannya sukar difahami.

Seperti mana yang diketahui umum, teks berteraskan agama bersifat qudus dan sakral yang harus dipertahankan elemen estetika dan kandungannya apabila melibatkan ayat-ayat al-Quran, serta tidak mudah ditafsirkan kecuali pentafsirnya seorang yang ahli dalam bidang tersebut. Begitu juga dengan hadis yang bersumberkan wahyu dari Allah SWT dan disabdakan oleh Rasulullah SAW yang sarat dengan mesej akidah, hukum, akhlak dan lain-lain untuk keseluruhan umat baginda. Justeru itu, penterjemah perlu berhati-hati dan menghayati keseluruhan teks hadis bagi memastikan hasil terjemahannya tepat dan tidak menyeleweng dari maksud sebenar.

Pernyataan Masalah

Terjemahan pada tingkatan perkataan seperti kata nama sering terkait dengan istilah tertentu yang merentasi makna leksikal. Jika diperhatikan dalam penulisan edisi terjemahan kitab-kitab klasik, terdapat sebahagian ulama di Nusantara ada ketikanya tidak menterjemahkan istilah-istilah fiqh yang datang dalam bentuk perkataan yang terdapat dalam karya asal berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kerana mereka tidak menemui perkataan yang tepat atau sepadan dalam bahasa sasaran (Tengku Fatimah et al. 2014). Justeru, pernyataan ini menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Nida (1975) bahawa masalah kesepadanan terjemahan merupakan isu pokok dalam penterjemahan. Dalam erti kata penterjemah mestilah mencari dan menentukan padanan kata yang sepadan dengan teks Bsu.

Dalam konteks terjemahan teks agama khususnya hadis Nabi SAW pada tingkatan perkataan Kata Nama Zat (KNZ) atau *ism jussah* yang merujuk kepada nama atau maksud zat tertentu secara fizikal seperti nama manusia, haiwan ataupun benda dan lain-lain. Walaupun perkataan tersebut nampaknya mudah dan hanya perlu merujuk kepada kamus namun, seorang penterjemah yang tidak mahir akan menghadapi kesukaran dalam menterjemah isu budaya yang terkait dengan gerak isyarat dan tabiat yang sering dikaitkan dengan pantangan tertentu. Antara isu dalam konteks ini adalah penterjemahan kata tabu (الكلمات المحظورة) yang ada dalam lingkungan budaya semua masyarakat termasuk Arab.

Dalam hadis-hadis Nabi SAW banyak menggunakan KNZ merujuk kepada tingkah laku atau maksud tidak baik tetapi perlu kepada penjelasan maksud yang terang kerana perkataan tersebut membawa kepada implikasi hukum. Sebagai contoh perkataan العزل, استمتاع, الغيل, عسيلة, هدبة الثوب, عنين dan lain-lain. Ironinya, kata tabu boleh menyebabkan penghinaan dan mendatangkan mudarat apabila digunakan dalam khalayak ramai. Oleh itu, penggunaan KNZ ada ketikanya di dalam teks hadis digunakan secara *majazi* dengan perkataan dan ungkapan yang berlapis bagi mengelakkan penghinaan jika dilakukan secara terus terang. Ianya dilakukan sedemikian rupa berusaha bertujuan agar tidak menyakiti atau menyinggung perasaan orang lain (Fahrur Rosikh, 2014).

Justeru penterjemahan kata tabu secara literal boleh mendatangkan masalah kerana bertentangan dengan tatasusila masyarakat setempat dan membawa impak negatif. Menurut Nur Anis (2019) kajian terjemahan KNZ bersandarkan kata tabu ke dalam bahasa Melayu masih kurang dijalankan dan ianya suatu tugas yang mencabar sepertimana yang dikatakan oleh para sarjana seperti Newmark (1988) dan sudah semestinya menarik untuk dikaji.

Kosakata hadis dalam kategori KNZ juga sering dikaitkan dengan elemen budaya tempatan berlatarbelakangkan padang pasir yang mendominasi semenanjung tanah Arab. Oleh itu menterjemah perkataan yang berasaskan elemen budaya bahasa Arab ke bahasa Melayu agak sukar mendapatkan padanan yang sesuai untuk unsur budaya yang tiada dalam bahasa sasaran. Budaya yang dimaksudkan dalam konteks perkataan tersebut merujuk kepada bahan material. Budaya material adalah merupakan aspek penting dalam sesebuah masyarakat merujuk kepada bahan artifak ataupun kebendaan yang merangkumi barangan kegunaan atau yang menggambarkan ciri-ciri penting sesuatu masyarakat seperti makanan dan minuman, pakaian, kediaman serta cara pengangkutan. Sudah pasti menterjemah perkataan tersebut dengan material yang berbeza namun fungsinya adalah dalam konteks terjemahan adalah kurang tepat dan perlu diperhalusi.

Oleh kerana proses menterjemah suatu bidang kerja yang kompleks dan rumit, penterjemah bukan hanya perlu memahami teks secara tekstual malahan aspek kontekstual juga merupakan salah satu aspek penting dalam melahirkan terjemahan yang berkualiti dan sempurna. Harun Zainal Abidin (2014) berpendapat ada ketikanya bahasa Arab tidak terikat dengan makna leksikal yang terdapat dalam kamus semata-mata. Terdapat unsur-unsur sampingan lain yang perlu diberikan pertimbangan dalam menterjemah seperti identiti penutur dan pendengar serta hubungan antara keduanya. Penemuan kesalahan-kesalahan terjemah terhadap terjemahan hadis-hadis berpunca daripada kurangnya penekanan kepada aspek kontekstual dalam terjemahan dan secara tidak langsung memberikan implikasi kepada kesucian hadis Rasulullah SAW itu sendiri.

Justeru kesepadanan terjemahan merupakan isu pokok dalam penterjemahan yang bertunjangkan kepada pemilihan makna yang bersesuaian dengan konteks ayat dengan memberikan penekanan kepada makna kontekstual. Namun persoalannya sejauh mana aspek ini diberikan perhatian dalam produk terjemahan hadis yang berada di pasaran pada hari ini?. Justeru aspek ini diangkat dalam kertas kerja ini untuk diteliti dari dekat.

Objektif Kajian

Kajian dilaksanakan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif yang dirancang seperti berikut:

- a) Mengenal pasti perkataan Kata Nama Zat (KNZ) yang terdapat dalam hadis-hadis kajian dan terjemahannya, merujuk kepada terjemahan kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* cetakan Pustaka Jahabersa (PJ) dan Pustaka Nasional Singapura.
- b) Menganalisis bentuk terjemahan Kata Nama Zat (KNZ) dalam teks hadis yang telah dipilih dalam kitab *Riyad al-Salihin* secara kontekstual.
- c) Menilai aspek kualiti dan ketepatan terjemahan kata nama ke dalam bahasa Melayu.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah berasaskan kajian kualitatif deskriptif beroreintasikan kepada produk terjemahan sebagai hasil kognitif penterjemahan dengan melakukan perbandingan terjemahan Kata Nama Zat (KNZ) daripada sejumlah hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang telah diterjemah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kerangka teori semantik kontekstual (النظرية السياقية) yang dikemukakan oleh John Robert Firth. Menurut Firth (1957) semua peringkat dalam bahasa bermula daripada fonetik dan fonologi hingga kepada morfologi dan sintaksis mempunyai makna yang bersandarkan kepada konteks situasi sebagaimana bentuk bahasa digunakan.

Penganalisaan sampel dilakukan berasaskan pendekatan terjemahan semantik komunikatif dengan melakukan perbandingan padanan terhadap terjemahan KNZ daripada sejumlah hadis yang telah diterjemahkan. Aspek penilaian penilaian kualiti dan ketepatan terjemahan dalam kajian ini turut dikemukakan menggunakan teori penilaian kualiti terjemahan yang dicadangkan oleh Nababan (2012) dengan menerapkan parameter ketepatan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad & Basil Wijasuriya (1982) untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan boleh diukur.

Analisis kajian ini dilakukan terhadap terjemahan hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* berkaitan frasa dan perkataan yang mengandungi KNZ dengan memberikan tumpuan khusus kepada aspek perbandingan padanan makna, teknik terjemahan KNZ bahasa Arab ke bahasa Melayu berasaskan pendekatan terjemahan semantik-komunikatif. Dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* terdapat sejumlah kira-kira 400 buah hadis Nabi SAW. Walaubagaimanapun hanya 5 sampel dikemukakan dalam kajian ini untuk menilai fenomena aspek kontekstual dalam terjemahan.

Analisis teks berkaitan KNZ dalam hadis-hadis yang dikemukakan terbatas kepada data-data yang bertepatan dengan mekanisma penyaringan tersendiri berasaskan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Teknik pengambilan sampel dalam kajian ini menggunakan persampelan secara tidak rawak (*non random sampling*) dalam kategori persampelan bertujuan. Sugiyono (2010) berpandangan teknik ini digunakan dengan menetapkan kriteria atau ciri-ciri khusus yang bersesuaian dengan sampel-sampel yang dikemukakan. Justifikasi menggunakan teknik persampelan bertujuan kerana tidak semua sampel memiliki kriteria yang sesuai dengan fenomena yang diteliti. Oleh karena itu, pengkaji memilih teknik persampelan bertujuan yang menetapkan pertimbangan-pertimbangan atau kriteria-kriteria tertentu yang harus dipenuhi oleh sampel-sampel yang digunakan dalam penelitian ini.

Di antara kriteria-kriteria yang terdapat dalam sampel-sampel hadis terpilih adalah seperti berikut:

1. Dipetik daripada hadis-hadis dalam kategori *marfu'* sahaja.
2. Hadis-hadis terpilih berada dalam kategori *Fi'liy* dan *Qawliy* sahaja.
3. Kata nama terpilih mendukung maksud bebas dan mempunyai implikasi hukum.

Kata Nama Zat (KNZ) Dan Aspek Makna Kontekstual Dalam Terjemahan

Ahli linguistik Arab sepakat menggolongkan pembahagian kalimat atau kata bahasa Arab kepada tiga kategori utama iaitu kata nama, kata kerja dan partikel. Ibn Hisham (2007) menyatakan kata nama ialah kata yang mengandungi makna yang tersendiri dan tidak terikat dengan masa. Definisi yang dikemukakan oleh Ibn Hisham diguna pakai secara meluas sehingga ke hari ini dalam kebanyakan buku-buku tatabahasa Arab klasik dan moden. Oleh itu, bolehlah dirumuskan *al-Ism* atau kata nama membawa maksud: Kata yang mengandungi makna tersendiri yang tidak berkaitan dengan masa. Kata Nama Zat (*Ism al-Juththah*) merupakan pecahan daripada kata nama yang merujuk kepada nama atau maksud zat tertentu secara fizikal (*Ism al-Juththah*) seperti Muhammad nama seorang manusia, ayam seekor haiwan ataupun pintu merujuk kepada benda (Tammam Hasan, 1985).

Penggolongan Kata Nama Zat (*Ism al-Juththah*) lahir daripada penjenamaan semula ahli linguistik Arab moden ini mengkritik wacana nahwu klasik yang dianggap tidak efisien teori nahwu klasik perlu diubah atau diberi nafas semula agar lebih sesuai dengan perubahan, perkembangan dan kehendak moden. Menurut Ibrahim Anis (1961) pengaruh falsafah Greek lama ke atas bahasa Arab menjadikan bahasa itu sendiri kaku dan tidak realistik kerana banyak berkisar kepada justifikasi, andaian dan takwil sedangkan bahasa itu sendiri perlu bersifat fungsional. Ahli morfologi klasik agak bercelaru ketika menjelaskan pembahagian kalam dan maksud setiap kategori tersebut serta menentukan tanda-tandanya. Menurut beliau definisi setiap kategori tersebut perlu dirombak kembali agar lebih realistik dan bebas dari kepompong acuan falsafah Greek kuno.

Dalam bahasa Melayu kata nama menurut Nik Safiah Karim et al. (2002) dalam morfologi bahasa Melayu mendukung makna rujukan khusus kepada sesuatu nama orang, haiwan, institusi, undang-undang, bangsa, bahasa, dan seumpamanya. Definisi yang hampir serupa diberikan dalam tatabahasa Arab iaitu tiap-tiap lafaz yang menunjuk kepada makna manusia, atau haiwan atau tumbuhan atau benda mati atau sesuatu yang lain (Al-Jurjani: 1984). Oleh itu, Kata Nama Zat (*Ism al-Juththah*) dalam bahasa Melayu ialah kata nama khas hidup merangkumi dua kategori nama khas hidup khusus untuk manusia, seperti: Abdul Majid dan kata nama khas bukan manusia, seperti: Rosa Damascina (sejenis bunga ros) dan kata nama khas tak hidup seperti nama benda, nama tempat dan lain-lain (Nik Safiah Karim et al. 2002). Dalam bahasa Melayu juga terdapat kata nama am yang merujuk kepada benda, perkara atau sesuatu konsep yang umum sifatnya. Dengan kata lain, kata nama am ialah kata selain kata nama khas dan tidak ditulis dengan huruf besar. Kata nama am ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata nama am hidup dan kata nama am tak hidup. Kata nama am hidup merujuk kepada manusia dan binatang seperti guru, petani, helang dan gajah, manakala kata nama am tak hidup merujuk kepada benda yang tidak bernyawa seperti sekolah, rumah, kedai dan lain-lain. (Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj. Sabran, Nawi Ismail, Mohd Zaini Othman, dan Ton Ibrahim 2012)

Proses penterjemahan kata nama Arab ke Melayu tidak sewajarnya dipandang mudah kerana setiap unit kata nama mempunyai makna yang tersendiri dan terkandung sesuatu maklumat yang tidak dapat dilihat secara tersurat serta merujuk kepada fungsi dan makna tertentu yang perlu difahami berdasarkan budayanya. Kesukaran paling utama dalam penterjemahan adalah dari segi leksikal dan bukannya tatabahasa. Leksikal menurut Newmark (1988) termasuk kolokasi, perkataan dan peribahasa termasuk unsur neologisme dan perkataan yang tidak dapat didefinisikan. Oleh itu pendekatan semantik dilihat dapat memberi lebih pemberatan terhadap nilai estetika teks Bsu kerana terjemahannya berkisar kepada budaya asal dan cenderung untuk memberi terjemahan yang lebih khusus daripada yang asal. Manakala pendekatan komunikatif pula membantu proses terjemahan makna tekstual teks asal dengan tepat supaya isi kandungan dan bahasa mudah diterima dan difahami oleh pembaca (Newmark 1988).

Umumnya dalam memahami suatu teks khususnya berkait rapat dengan al-Quran dan hadis ada dua pendekatan yang biasanya dilakukan para ulama iaitu pendekatan tekstual dan pendekatan kontekstual. Melalui pendekatan makna kontekstual yang tidak hanya melihat dari sudut zahir teks dan keumuman teks, akan tetapi melangkaui faktor lain seperti latar belakang peristiwa (*Asbab al-Wurud*), sosio budaya masyarakat pada zaman teks tersebut wujud dan juga situasi yang terkait dengan peristiwa tertentu yang banyak bergantung kepada qarinah atau indikator tertentu (Zamarkhasyari Hasballah 2017). Kedua-dua aspek tekstual dan kontekstual perlu bergerak seiring dalam memahami teks dan menterjemah kembali teks tersebut kepada bahasa sasaran. Untuk itu, jika diperhalusi, kelompok yang hanya fokus pada pendekatan tekstual semata-mata sangat berpotensi melahirkan makna yang sempit, bahkan tidak relevan dengan tempat dan masa tertentu. Di sisi lain, kelompok yang fokus pada pendekatan kontekstual semata-mata dengan mengabaikan makna tekstual berpotensi terjerumus dalam kategori mengagongkan pendapat sendiri (*ra'y al-mazmum*). Justeru kedua pendekatan tekstual dan kontekstual, jika terpisah satu dengan lainnya dapat melahirkan makna yang tidak tepat dan menjadikan seseorang itu tergelincir dalam memahami hadis itu sendiri.

Konteks dari segi pengertiannya bermaksud bidang atau ruang pengaruh bagi maklumat yang ditunjukkan oleh makna ayat atau perkataan dalam maklumat tersebut. Ia mungkin juga berpunca daripada satu dan sifat unsur yang berlainan mengikut situasi dan tempat penggunaan unsur tersebut. Makna kontekstual terhasil daripada hubungan antara ujaran dan situasi pada waktu ia digunakan. Sarwiji (2008:71) juga berpendapat, makna kontekstual adalah makna kata yang berpadanan dengan konteksnya. Oleh itu makna kontekstual menjadi sangat penting dalam penterjemahan kerana makna kontekstual menjadi sebahagian daripada teks yang mempengaruhi proses dalam penterjemahan. Justeru, proses menterjemah teks hadis pada tahap perkataan memerlukan seseorang penterjemah untuk memahaminya dari segi zahir teks tersebut serta maknanya yang tersirat. Proses tersebut sudah tentu memerlukan kepada penelitian daripada pelbagai sudut supaya kandungan makna yang hendak disampaikan oleh Rasulullah SAW tidak terpesong.

Analisis Data & Dapatan Kajian

Analisis, huraian dan rumusan penilaian terjemahan yang dikemukakan di sini adalah sebahagian daripada keseluruhan sampel yang dikaji. Analisis dan dapatan kajian ini untuk memenuhi objektif yang telah disasarkan berdasarkan hasil analisis teks PNS dan PJ secara manual dan seterusnya menghuraikan hasil pemerhatian terhadap perbandingan bentuk antara keduanya (kata nama BA dan kata nama BM) yang dibuat secara deskriptif. Berikut adalah sebahagian contoh-contoh transkripsi hadis bahasa sumber, terjemahan dan penilaiannya.

Sampel 1

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	ماتت لنا شاة فديغنا جلدھا ثم ما زلنا ننتبذ فيه -أي: نضع فيه التمر ليحلو الماء- حتى صار شن		
Maksud	Sekali peristiwa telah mati seekor kambing kita, lalu kami pun menyamak kulitnya, kemudian kami letakkan padanya korma agar dimaniskan air padanya sehingga menjadi tempat simpan air yang kekal.		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	شن	tempat simpan air	Bekas air

Analisis Teknik Terjemahan

Perkataan شن terkandung di dalamnya makna sosial-budaya melalui PNS dan PJ diberikan padanan yang sama sebagai bekas menyimpan air. Perkataan tersebut mengandungi unsur budaya berteraskan masyarakat padang pasir pada zaman silam dan unsur tersebut tidak dapat diterjemahkan dalam bahasa sasaran dengan objek yang sepadan. Justifikasinya adalah kerana objek yang digunakan di negara Arab pada masa tersebut diperbuat daripada kulit binatang yang telah menjadi bangkai dan digunakan semula untuk menyimpan air bersih selepas di samak sedangkan di Malaysia tempat menyimpan air dibuat daripada tembikar seumpama labu sayung. Dalam konteks ini aspek terjemahan secara kontekstual perlu diaktifkan dengan menggunakan salah satu teknik daripada pendekatan komunikatif iaitulah padanan deskriptif (*descriptive equivalent*). Deskriptif dalam kajian terjemahan merupakan suatu istilah yang digunakan dalam teknik terjemahan yang dilakukan dengan cara memadankan istilah dalam teks sumber secara memberikan padanan fungsian pada teks sasaran (Molina dan Albir 2002).

Penilaian Kualiti Dan Ketepatan Terjemahan

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan kontekstual شن dalam edisi PNS dan PJ adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikal شن kepada tempat simpan air atau bekas air adalah tepat dan memadai.

Sampel 2

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	إن رجلا جميلا أتى النبي فقال: إني أحب الجمال وقد أعطيت منه ما ترى حتى ما أحب أن يفوقني أحد بشراك نعل أفمن الكبر ذلك يا رسول الله؟ فقال: لا		
Maksud	Datang seorang lelaki yang cantik rupanya, seraya berkata: Sesungguhnya aku ini memang menyukai cantik dan aku sendiri telah diberikan rupa yang cantik sebagaimana yang dapat engkau lihat sehingga aku tidak ingin orang lain mengatasi kecantikanku meskipun dengan <u>seutas tali kasut</u> . Apakah yang demikian itu termasuk sombong diri, hai Rasulullah?. Jawab beliau: Tidak		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	شراك نعل	Seutas tali kasut	x

Analisis Teknik Terjemahan

Perkataan KN شراك dalam teks sumber menurut *Muʿjam al-Arabiyyah al-Muʿasarah* (1985: 554) merujuk kepada tali pengikat kasut yang berada di bahagian atas kasut. Dalam konteks ini, terjemahan PNS mengemukakan terjemahan dengan padanan makna leksikal yang sama iaitulah tali kasut manakala edisi terjemahan PJ tidak menyentuh langsung terjemahan perkataan tersebut. Namun demikian aspek makna kontekstual dalam terjemahan seperti ini tidak dipraktikkan. Hal ini kerana perkataan شراك merupakan ungkapan figuratif yang maksudnya tidak boleh difahami daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. Proses penterjemahan bukan hanya melibatkan masalah linguistik semata-mata, ianya juga berkait rapat dengan persoalan masalah budaya. Justeru, maksud *figurative* melalui padanan makna idiomatik pada perkataan شراك النعل tidak sempurna. Pengkaji mencadangkan terjemahannya seperti berikut: “Aku tidak ingin orang lain mengatasi kecantikanku seperti mana dekatnya kasut dengan pemakainya kerana kecantikannya amat dekat kepadaku”. Hal ini kerana tali kasut merupakan kinayah bagi menggambarkan betapa dekatnya seorang pemakai dengan kasut tersebut.

Penilaian Kualiti Dan Ketepatan Terjemahan

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan شراك النعل dalam edisi PNS dari sudut ketepatan dan tahap keterbacaan tinggi boleh diterima. Namun dari sudut kebolehterimaan pada pengkaji agak kurang memenuhi aspek tersebut disebabkan oleh kekaburan maksud yang ingin disampaikan secara kinayah. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya. Edisi terjemahan PJ pula agak tersasar jauh dari asal tujuan melakukan kerja-kerja terjemahan. Kebarangkalian berlakunya kecuaiian manusia adalah tinggi dan perlu diperbaiki pada cetakan akan datang. Justeru terjemahan seperti ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemah (*mistranslation*).

Sampel 3

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	إن الرقي والتمايم والتولة شرك		
Maksud	Sesungguhnya membaca mentera, menggantung tangkal dan membuat tambul adalah syirik		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	التولة	tambul	susuk

Analisis Teknik Terjemahan

Perkataan KN تولة dalam ST menurut *Mu^cjam Matn al-Luhgah* (1958: 417) merujuk kepada sesuatu yang digantung di leher wanita bertujuan untuk menundukkan suaminya agar sentiasa kasih seperti tangkal. Menurut Kamus Dewan (2004: 4153) susuk merujuk kepada emas dan lain-lain yang dimasukkan ke dalam kulit muka dan tempat-tempat lain untuk memaniskan rupa. Perkataan tambul menurut Kamus Dewan (2004: 4241) merujuk kepada bermain silap mata seperti sihir dan seumpamanya serta membawa maksud menunjukkan kepandaian gerak badan seperti melompat dan seumpamanya. Justeru dalam konteks padanan terjemahan perkataan التولة, PJ mengemukakan terjemahan dengan padanan makna padanan budaya (*cultural equivalent*) iaitulah perkataan susuk dan PNS dengan tambul. Padanan yang dikemukakan oleh kedua versi tersebut tidak menggambarkan maksud sebenar daripada terma bahasa sumber yang berteraskan sosio-budaya setempat berteraskan kepada makna kontekstual. Hal ini kerana التولة merujuk kepada perbuatan sihir menggunakan benang atau kertas yang dituliskan mentera tertentu untuk melahirkan kasih sayang atau untuk maksud lain (°Ali al-Qari: 8/372). Perbuatan memasang susuk tidak ada kena mengena dengan lafaz hadis tersebut walaupun boleh diqiyaskan kepada perkara tersebut. Ini kerana memasang susuk seperti yang difahami dalam masyarakat melayu tidak ada dalam budaya masyarakat Arab Jahiliyah pada zaman nabi SAW, bahkan mereka sendiri tidak memasukkan emas atau seumpamanya ke tubuh badan dengan membacakan mentera tertentu untuk kekal menawan. Ini bererti aspek makna kontekstual dalam terjemahan seperti ini tidak dipraktikkan dengan berkesan. Cadangan pengkaji terjemahannya ialah: “Sesungguhnya membaca mentera, menggantung tangkal dan menggunakan penunduk adalah syirik”.

Penilaian Kualiti Dan Ketepatan Terjemahan

Melalui parameter kualiti dan ketepatan juga leksikel التولة dalam edisi PNS dan PJ seperti yang dicadangkan Nababan et al. (2012) dari sudut ketepatan dan tahap keterbacaan tinggi adalah memuaskan namun dari sudut aspek kebolehterimaan pada pengkaji agak kurang sampai kepada pembaca sasaran dalam erti kata yang sebenar. Hal ini disebabkan wujudnya perbezaan ketara dalam aspek budaya di antara Arab dan Melayu walaupun hukumnya larangannya adalah sama. Apa yang difahami dalam budaya masyarakat Arab tidak seperti mana yang difahami dalam masyarakat Melayu dari sudut penggunaannya dan ini menjadi masalah kepada pembaca sasaran untuk memahami apa sebenarnya kehendak terminologi perkataan tersebut.

Sampel 4

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	لا بأس بالقرامل		
Maksud	Tidak mengapa kamu memakai <u>benang</u>		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	القرامل	benang	Kain sutera dan wol

Analisis Teknik Terjemahan

Perkataan KN *القرامل* *al-Muʿjam al-Wasit* (2008: 71) dalam ST merujuk kepada benang yang diperbuat daripada sutera atau bulu biri-biri yang dijadikan sebagai sanggul untuk disambungkan dengan rambut asli atau lebih tepat lagi sebagai rambut palsu. Menurut Kamus Dewan (2004: 418) benang merujuk kepada tali halus daripada kapas, sutera dan lain-lain yang digunakan untuk menjahit atau menenun. Manakala kain menurut Kamus Dewan (2004: 1730) ialah hasil tenunan daripada pintalan benang kapas dan lain-lain. Berdasarkan keterangan di atas, padanan makna leksikal terjemahan PNS adalah tidak mengambil kira kepada aspek kontekstual dan tidak bersesuaian dengan konteks ayat secara komunikatif. Justifikasinya adalah kerana perkataan benang secara umum tidak membawa implikasi kepada hukum larangan memakai sutera. Padanan edisi PJ dengan kain sutera dan wol adalah lebih mirip kepada aspek kontekstual terjemahan.

Penilaian Kualiti Dan Ketepatan Terjemahan

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan *القرامل* dalam edisi PNS dalam aspek terjemahan adalah tidak menepati piawaian terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan et al. (2012) dari sudut kebolehterimaan dan tahap keterbacaan tinggi. Pada pengkaji kekurangan yang berlaku disebabkan objek yang disepadankan dengan *القرامل* kabur dan tidak jelas kerana perkataan benang terlampau umum dan kain pula tidak dijadikan sebagai rambut palsu. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel 5

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	ورأى رأسه كأنها الثغامة فقال: غيروا هذا وجنبوا السواد		
Maksud	Baginda melihat rambut kepalanya penuh dengan <u>uban</u> kerana terlalu tua, maka beliau berkata: Ubahlah ini dan jangan dengan warna hitam		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	الثغامة	uban	pohon

Analisis Teknik Terjemahan

Perkataan KNZ *الثغامة* menurut *al-Muʿjam al-Wasit* (2008:71) merujuk sejenis tumbuhan yang buah dan daunnya berwarna putih dan warna keputihan tersebut akan lebih nampak terang sekiranya pohon tersebut kering. Dalam pengertian perkataan ini terkandung tasybih atau perbandingan iaitu dengan menyamakan atau mensetarakan sifat atau ciri yang ada pada seseorang itu dengan benda lain yang juga memiliki ciri atau sifat tersebut malahan sifat tersebut lebih

terserlah lagi dengan ciri atau sifat yang dimaksudkan itu. Tasybih digunakan dalam ilmu retorik Arab bertujuan untuk menyampaikan suatu maksud agar lebih difahami secara jelas oleh penerima maklumat (Ahmad al-Hashimi: 1994). Perkataan الثغامة merupakan ungkapan figuratif yang maksudnya yang tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. Unsur figuratif yang terdapat di sini adalah dalam kategori tasybih. Oleh kerana proses penterjemahan bukan hanya melibatkan masalah linguistik semata-mata, ianya juga berkait rapat dengan aspek kontekstual melibatkan persoalan masalah budaya. Justeru, penterjemah mesti memahami bahasa sumber bukan hanya dari sudut linguistik, tetapi juga dari segi latar belakang budaya. Dalam kes ini padanan makna idiomatik adalah lebih tepat walaupun versi produk PNS mengemukakan padanan yang memadai dan boleh diperbaiki, berbeza dengan versi PJ yang gagal menzahirkan maksud figuratif pada perkataan الثغامة. tersebut untuk memberikan penjelasan kepada keputihan warna uban bukan pohon tersebut. Oleh itu pengkaji mencadangkan terjemahannya seperti berikut: “Baginda melihat rambut kepalanya penuh dengan uban seakan-akan pohon thughamah”.

Penilaian Kualiti Dan Ketepatan Terjemahan

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan الثغامة dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan et al. (2012) dari sudut ketepatan dan tahap keterbacaan tinggi. Namun dari sudut kebolehterimaan pada pengkaji agak kurang memenuhi aspek tersebut disebabkan oleh kekaburan maksud yang ingin disampaikan melalui metafora. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya. Edisi terjemahan PJ agak tersasar jauh dari asal mencari padanan yang bersesuaian dengan mengekalkan maksud pohon sedangkan konteks ayat tersebut merujuk kepada makna figuratif. Justeru terjemahan seperti ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemah (*mistranslation*).

Secara rumusan, kajian ini memfokuskan kepada aspek terjemahan (linguistik gunaan) dengan menggunakan data yang sedia ada daripada edisi terjemahan untuk mengkaji dengan lebih objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap kandungan bertulis tersebut. Secara khususnya, pendekatan analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan dan menyelidik KNZ yang terdapat dalam korpus yang dikaji.

Sejumlah 5 sampel KNZ yang terpilih mewakili jenis-jenis kata nama tertentu daripada sejumlah besar hadis yang mengandungi fenomena padanan terjemahan berasaskan makna kontekstual dianalisis secara kontrastif. Penganalisan dilakukan secara berperingkat dan mengikut tahap tertentu, bermula dengan peringkat mengklasifikasikan padanan terjemahan kata nama bahasa Melayu dengan kata nama bahasa Arab secara analisis kontrastif. Peringkat ini bertujuan menentukan aspek kesamaan dan perbezaan terjemahan di antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Peringkat kedua ialah peringkat mengenal pasti padanan makna, metode penterjemahan dan teknik yang digunakan oleh penterjemah dalam terjemahannya, serta menilai sejauh manakah teknik ini memberi kesan kepada output terjemahan. Sekaligus dalam peringkat ini merumuskan aspek penilaian kualiti dan ketepatan terhadap terjemahan dan dapatan-dapatan penting lain yang terhasil daripada kajian yang dilaksanakan.

Hasil kajian mendapati 5 sampel terjemahan kata nama dipadankan dengan makna kontekstual adalah slari dengan pendekatan terjemahan semantik-komunikatif yang menekankan aspek pengalihan makna mengikut konteks sambil mengekalkan kandungan serta bahasa yang difahami oleh pembaca sasaran dan mementingkan fungsi perkataan ataupun klausa agar terjemahan lebih lancar, lebih mudah, lebih jelas, lebih langsung dan bersifat informatif. Hal ini perlu dipraktikkan dalam terjemahan kerana fungsi makna kontekstual dapat dizahirkan kepada pembaca sasaran dengan berkesan. Tidak dapat dinafikan berlakunya kelemahan yang ketara dalam menzahirkan makna secara kontekstual agar selari dan mudah difahami dalam budaya setempat. Secara tidak langsung penemuan ini membuktikan bahawa aspek makna kontekstual perlu diberi perhatian dalam kerja-kerja terjemahan dan penting dijelmakan dalam kerja-kerja terjemahan secara berkesan.

Kesimpulan

Dalam memahami sebuah hadis dan menterjemahnya semula ke bahasa sasaran aspek tekstual dan kontekstual harus diberikan keutamaan agar kefahaman tersebut lebih dekat dengan tujuan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Aspek makna tekstual dalam pernyataan sebuah hadis perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu dan tiada keperluan untuk diberikan pertimbangan aspek kontekstual sekiranya kefahaman tersebut selari dengan kehendak agama dan boleh diperjelaskan dengan sempurna bersesuaian dengan pendekatan terjemahan semantik komunikatif.

Justeru, terjemahan berorientasikan pendekatan semantik komunikatif ialah pendekatan yang dekat dan sesuai serta saling lengkap melengkapi untuk diaplikasikan bagi teks agama seperti hadis kerana memelihara ciri-ciri khusus teks tersebut. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendekatan semantik komunikatif merupakan suatu konsep umum yang boleh dipegang oleh seorang penterjemah untuk mencapai maksud tertentu dalam kerja-kerja penterjemahan. Ia juga boleh dianggap suatu ideologi yang dapat membantu pengkaji untuk melihat kecenderongan penterjemah membuat suatu keputusan. Bertitik tolak daripada salah faham terhadap terjemahan makna perkataan kata nama secara khusus dan kategori-kategori lain secara umum penjelasan suatu maksud hadis mestilah bersandarkan kepada tafsiran tokoh-tokoh muktabar dan diolah maksud tersebut mengambil kira kepada kesesuaian pembaca sasaran dengan mengutamakan nilai estetika teks bahasa sumber di samping laras bahasa yang mudah difahami dengan jelas serta tiada sebarang unsur kesamaran dan kesulitan.

Rujukan

- Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj. Sabran, Nawī Ismail, Mohd Zaini Othman, dan Ton Ibrahim. 2012. *Tatabahasa Asas*. Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia.
- Ahmad Redha. 1958. *Muʿjam Matn al-Luhgah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Abu Jabir .2009. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*-terjemahan- Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.
- Al-Jurjaniy, ʿAli bin Hamad. *Al-Taʿrifat*. 1984. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Qardhawiy, Yusuf. 1980. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*.Beirut: al-Maktab al-Islamy.
- Al-Qari, ʿAli bin Sultan. 2001. *Mirqat al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Fahrur Rosikh. 2014. Eufemisme dan Tabu dalam Bahasa Arab. *Jurnal Ummul Qura* Vol IV, No. 2, Ogos hlm 71-87.
- Harun Zainal Abidin. 2014. *Penulisan Hadis dalam karya terjemahan: kajian terhadap terjemahan Hadis dalam kitab Fath Al-Muin*, Disertasi M.A, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibrahim Anis, Abd Halim Muntasar, ʿAtiyyah al-Sawalihi & Muhammad Khalaf Allah Ahmad. 2008. *Muʿjam al-Wasid*. Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Ibn Hisham, Jamal al-Din bin Yusuf. t.t. *Awdah al-Masalik*. Penyunting Muhammad Mahyuddin Abd al-Hamid. Beirut: Dar al-Fikr.
- J.C Catford, 1965. *A Linguistic Theory of Translation An Essay in Applied Linguistics*. Oxford University Press.
- J. R Firth. 1957. Applications of General Linguistics. *Transactions of the Philological Society Journal*, Volume 56, 1, 1-14.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd. Mokhtar Ahmad & Basil Wijasuriya. 1982. Masalah dan Kesalahan di dalam Penterjemahan. Dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (pnyt), *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*, hlm. 385-422. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah. 1991. Penghargaan Terhadap Terjemahan dan Penterjemah di Malaysia: Satu Impian Semata. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3*. hlm. 198.

- Nababan, M. R. 2012. Pengembangan Model Penilaian Kualitas Terjemahan. *Jurnal Kajian Linguistik dan Sastra* 24: 39-57.
- Nida, E. A. 1975. *Componential analysis of meaning*. Netherlands: Mouton Publishers.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2002. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Newmark, Peter. 1988. *A Text Book of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2002. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jantan. 2009. *Pengantar Prinsip Penterjemahan*. Kuala Lumpur.
- Nur Anis Fadzil. 2019. Analisis Strategi Penterjemahan Kata Tabu dalam Novel the Catcher in the Rye. Tesis Ijazah Sarjana. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Suwandi. Sarwiji. 2008. *Semantik Pengantar Kajian Makna*. Yogyakarta: Media Perkasa.
- Sugiyono. 2010. *Metode Penelitian Pendidikan Pendekatan Kuantitatif, kualitatif, dan R&D*. Bandung: Alfabeta.
- Syed Ahmad Sumait . 2014. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam -terjemahan-* Pustaka Nasional Singapore.
- Tammam Hassan. 1985. *Al-Lughat al-'Arabiyyat Ma'na:ha: wa Mabna:ha*. Mesir : al-Haiyah al-Misriyyah al-'Ammah Lil al-Kitāb.
- Tengku Fatimah Muliana, Syh Noorul Madidah & Sumayyah Abdul Aziz. 2014. Pengetahuan Pelajar Unisza Terhadap Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah. *The Online Journal of Islamic Education*, 2 (1). pp. 38-50.
- Umar, Ahmad Muhktar. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu'asarah*. Cairo: Alam al-Kutub.
- Zamarkhasyari Hasballah. 2017. *Pemahaman Tekstual dan Kontekstual al-Quran dan Hadis*. Muzakarah Fatwa MUI Prov, Sumatera Utara.